

Pas tiada peluang terajui kerajaan

BH - 3 MAY 2000

Norbakti Alias dan Hassan Omar

JITRA, Khamis - Pas boleh melupakan hasrat menerajui kerajaan di negara ini kerana rakyat kini sedar perjuangan parti itu tidak mencerminkan ciri Islam sejati.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata masyarakat juga sedar Pas hanya mahu memecahbelahkan orang Islam demi kepentingan politik mereka.

"Pemimpin Pas nyata takbur dan hanya berselindung di sebalik perkataan Islam sedangkan mereka mengajar ajaran Islam yang songsang.

"Pas bukan parti Islam, mungkin huruf A dalam parti itu berbunyi Aslam bukannya Islam," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu di Srkolah Menengah Kebangsaan Pulau Nyior, di sini hari ini.

Perdana Menteri ber-

kata, pemimpin Pas begitu takbur selepas memenangi 27 kerusi pada pilihan raya umum 1999 seolah-olah sudah mencatat kejayaan besar.

"Memang jumlah kerusi yang dimenangi Pas meningkat kepada 27 tetapi jangan lupa, Umno menang 72 kerusi.

"Tapi, pemimpin Pas seperti Mohamad Sabu sibuk melaung seakan-akan Pas sudah menang besar," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, rakyat khususnya generasi muda kini sedar dengan taktik Pas itu dan mula kembali ke pangkuan Umno.

"Alhamdulillah, ramai orang Melayu termasuk pengikut Pas yang menyertai semula Umno.

"Mereka tidak lagi menyokong Parti Aslam (Pas)," katanya.

Kemasukan generasi muda ini, kata Perdana Menteri, adalah petanda haik kepada kesinambungan perjuangan Umno da-

lam memperjuangkan maruah agama, bangsa dan negara.

Namun, Dr Mahathir berkata, walaupun gembira dengan kemasukan ramai Melayu dalam Umno, masih ada sikap kurang baik yang dikesan pada pemimpin sama ada pada peringkat cawangan, bahagian dan pusat.

"Ada pemimpin yang tidak senang dengan penambahan ahli khususnya mereka yang mempunyai pendidikan tinggi kerana khuatir kedudukan sendiri terjejas.

"Mereka menghalang kemasukan ahli baru sehingga kita minta agar se-

mua Umno Bahagian memastikan bilangan akhir dapat ditambah 10 peratus.

"Di Kubang Pasu sendiri berjaya menambah keahlian 10 peratus tetapi ia tidak bermakna usaha boleh dihentikan apabila sasaran dipenuhi," katanya.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, pimpinan Umno wajar memastikan ahli mereka turut mendaftar menjadi pengundi.

"Saya difahamkan di Kubang Pasu ada 22,000 ahli Umno tapi kenapa ketika pilihan raya 1999, saya cuma dapat 17,000 undi.

"Sebab itu, kita harus ke-

nal pasti ahti Umno yang layak mengundi supaya mendaftar selain turut membuat semakan dalam senarai daftar undi," katanya.

Dr Mahathir berkata, ketika kerajaan sibuk mahu membangunkan negara, beberapa pihak termasuk Pas bertindak menikam dari belakang sehingga tumpuan terpaksa dialihkan.

"Ketika ada kerajaan Islam sibuk memberi tumpuan kepada pembangunan, ada pihak yang menimbulkan kekacauan yang menyebabkan kerajaan terpaksa mengalihkan tumpuan seperti yang ber-

laku di Palestin sehingga membolehkan orang Yahudi mengganas.

"Ini sama seperti Pas yang terus membuat kacau dan mahu melihat rakyat bergaduh sesama sendiri agar kerajaan negara Islam yang ada boleh diruntuhkan.

"Mereka bermusuh dengan orang Islam tapi menyokong DAP yang sebelum ini menolak bulat-bulat hasrat mereka mewujudkan negara Islam.

"Umno dianggap mereka sebagai musuh semata-mata untuk memecahbelahkan orang Melayu," katanya.